BIL.28| DISEMBER 2016

# MKBR

MAJALAH KELUARGA BANK RAKYAT

BANKRAKYAT بيڠكڬ رعيت

Bank Pilihan Anda

"Berlarilah terus sehingga ke garisan penamat, sebab perlumbaan yang tidak sampai ke garisan penamat tidak akan selesai".

**- H.M Tuah Iskandar–**

**TAHNIAH**
**Bank Rakyat Menang NACRA 2016!**
*m/s3*

**SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA :**
**Ustaz Mohammad Salleh bin Abdul Saha / MAIS**
*m/s4-5*

**EMPLOYEE OF THE MONTH**
**Teluk Intan 2016**
*m/s12-13*

**MINGGU KEROHANIAN PUSAT PANGGILAN 2016**
*m/s14-15*

**REDAKSI :** Ketua Editor : Zainuddin Ali | Editorial : Mohd Hanafiah Mohd Nawawi & Rafidah Mohd Amin

Dalam sebuah koc transit aliran ringan, kelihatan tiga orang kanak-kanak bermain-main dengan penuh riang. Tidak dihirau keadaan sekitar. Tidak dipeduli penumpang yang lain. Mereka bernasib baik sebab koc berkenaan tidak memuatkan ramai penumpang. Keseronokan tiga beradik ini mengundang rasa ketidakpuasan seorang penumpang yang mengkritik dengan pandangan sinis. "Budak-budak ini tidak diajar adab." Detik hatinya. Kelihatan juga di hujung kerusi, seorang lelaki agak berusia memandang kosong ketiga-tiga orang kanak-kanak tadi. Dan sekumpulan pelajar menggeleng-geleng kepala dan berbisik sesama sendiri.

Lelaki yang kurang berpuas hati tadi, tidak dapat menahan perasaan marah terus menuju kepada lelaki yang sedang termenung di hujung kerusi. "Mereka itu anak-anak Encikkah?" Bicara bermula. Lelaki berusia tadi melepas pandangan kepada lelaki di hadapannya dan mengangguk. "Angguk sahaja. Patutlah anak-anak tak beradab. Bapa borek, anak rintik." Dengus lelaki tadi perlahan.

"Encik, cuba nasihatkan anak-anak itu supaya duduk diam di tempat masing-masing. Bising. Mengganggu penumpang-penumpang lain." Tegur lelaki tadi. Lelaki berusia yang juga bapa kepada anak-anak itu terus memerhati dan tersenyum. "Maafkan mereka Encik. Sebenarnya, kami dalam perjalanan ke hospital. Isteri saya iaitu ibu kepada anak-anak itu sedang koma di hospital kerana kanser. Doktor mengesahkan ibu mereka menghidap kanser pada tahap empat. Sudah seminggu ibu mereka di wad, bermakna sudah seminggu juga mereka tidak bertemu muka dengan ibu. Setiap malam mereka mengigau dan memanggil 'ibu' kerana terlalu rindu." Lelaki berusia itu diam menahan sendu.

"Maafkan mereka Encik. Bukan niat saya membiarkan mereka bermain-main begitu sehingga Encik rasa terganggu. Saya tidak sampai hati menyekat kegembiraan dan kebahagiaan mereka saat ini, meskipun saya sedar Encik terganggu. Maafkan mereka Encik. Mungkin inilah kegembiraan dan kebahagiaan terakhir mereka semasa hayat ibu mereka masih ada. Tidak mungkin akan ada kegembiraan seperti ini setelah ketiadaan ibu mereka nanti. Ibu mereka nazak sekarang, Encik." "Jika sebentar lagi kerinduan mereka akan terubat apabila wajah ibu mereka masih boleh ditatap, tubuh ibu masih boleh dipeluk; tapi selepas ini, belum tentu kerinduan mereka akan terubat tanpa wajah dan tubuh ibu mereka." "Sebab itu, saya biarkan mereka ketawa dan gembira kerana saya juga akan merindui ketawa dan kegembiraan mereka selepas ini."

***"Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti kecuali prasangka sahaja, (sedangkan) prasangka itu tidak sedikit pun berguna untuk mencapai kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka lakukan."***
**(Yunus : 36)**

MKBR

Bagaimana kita?
Adakah banyak prasangka dengan 'andaian'?



*Tahniah*

## BANK RAKYAT MENANG NACRA 2016

Pengalaman menyertai National Annual Corporate Report Award (NACRA) anjuran Malaysian Institute of Accountants (MIA) sejak tahun 2007 akhirnya membuah hasil membanggakan apabila Bank Rakyat memenangi NACRA 2016 bagi kategori Laporan Tahunan Terbaik Bahasa Melayu.

Majlis penyampaian hadiah telah berlangsung pada 01 Disember 2016 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Bank Rakyat diwakili oleh Encik Md Ali Abd Aziz, Ketua Pegawai Teknologi Maklumat untuk menerima anugerah tersebut.

*Majlis*

## PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN BANK RAKYAT MELAKA

# Sesi Perkongsian Ilmu Bersama:

## USTAZ MOHAMMAD SALLEH BIN ABDUL SAHA / MAIS

24 NOVEMBER 2016

SUSUNAN : RUBI SALNIZAM BINTI ZUKRI, EKSEKUTIF KANAN, PENGURUSAN PEMBANGUNAN

# Peka atau Leka: Wasiat . Hibah . Faraid

## Wasiat

Diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Rasulullah s.a.w bersabda: Orang yang malang ialah orang yang terhalang (dengan sebab tidak sempat atau sebagainya) daripada berwasiat.

Diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang mati dalam keadaan telah meninggalkan wasiat, nescaya dia mati atas jalan Allah dan sunnah Rasul-Nya, mati atas takwa dan syahadah, serta mati dalam keadaan diampunkan.

## Kenapa Berwasiat?

Satu bentuk mekanisma perancangan pembahagian harta yang menzahirkan keinginan pewasiat ke atas harta yang dimiliki.

## Syarat-Syarat Pewasiat?

Pewasiat tersebut hendaklah berakal kerana wasiat tidak sah sekiranya dilakukan oleh orang yang tidak siuman atau terencat akal, orang yang pengsan dan orang yang mabuk. Pewasiat juga mestilah seorang yang baligh. Tidak sah wasiat daripada seorang kanak-kanak walaupun telah mumaiyiz kerana ia tidak layak untuk bersedekah. Selain itu, wasiat juga tidak sah sekiranya ianya dilakukan secara paksa atau tanpa keredaannya. Oleh itu, wasiat perlulah dijadikan pilihan dan juga reda oleh pewasiat. Akhir sekali, pewasiat mestilah seseorang yang merdeka kerana tidak sah wasiat dari seorang hamba.

## Syarat-Syarat Penerima Wasiat?

- Mesti orang yang layak memiliki harta ketika kematian pewasiat. Tidak sah wasiat kepada orang yang telah mati, atau kepada haiwan, kerana orang yang mati dan haiwan tidak layak memiliki harta.
- Bukan maksiat.
- Mestilah dikhususkan kepada siapa yang menerima.
- Hendaklah penerima wasiat wujud ketika wasiat dibuat. Tidak sah mewasiatkan harta kepada bayi yang akan dikandung.
- Hadis Rasulullah SAW: "Saling memberi hadiahlah kamu nescaya kamu akan dikasihi".



## Wasiat
Suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan.

## Rukun Hibah
Pemberi, penerima, ijab dan qabul, barang yang dihibah.

## Pemberi Hibah
Pemberi mestilah pemilik kepada barangan. Pemberi juga mestilah layak untuk memberi dan mempunyai kuasa penuh untuk menggunakan hartanya.

## Penerima Hibah
Berkelayakan menerima hibah termasuklah yang bukan mukallaf seperti kanak-kanak dan orang gila. Namun begitu, penjaga mereka akan memegang pemberian itu sebagai pemegang amanah. Tidak sah hibah diberikan kepada janin kerana ia tidak mempunyai kuasa untuk menentukan hak miliknya.

## UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN HARTA

**ISLAM**
SURAH AN-NISA AYAT 11, 12 & 176

**BUKAN ISLAM**
AKTA PEMBAHAGIAN 1998

**MUAFAKAT**
PERSETUJUAN BERSAMA ANTARA WARIS

## Definisi Faraid
Kaedah Fiqh dan Matematik yang mana dengan kaedah ini dapat diketahui hak setiap orang waris ke atas harta peninggalan si mati.

**FARAID** melibatkan kombinasi 3 ilmu iaitu Ilmu Nasab yang berkaitan dengan keturunan, Ilmu Fatwa berkaitan waris-waris berhak/tidak dan juga Ilmu Matematik iaitu pengiraan bahagian setiap orang waris.

**RUKUN PUSAKA** melibatkan simati, waris dan juga harta.

## FARAID: PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

*"Pelajarilah al-Quran dan ajarkanlah ia kepada manusia dan pelajarilah Ilmu Faraid dan ajarkanlah ia kepada manusia. Sesungguhnya aku adalah manusia yang akan digenggam (diwafatkan) dan sesungguhnya ilmu tersebut akan digenggam (dicabut), dan nanti akan timbul fitnah-fitnah, sehingga nanti akan tiba masanya apabila dua orang berselisih mengenai pembahagian harta pusaka, tidak ada orang yang dapat menyelesaikan antara kedua-dua mereka".*

## LENSA PGPB

# RASULULLAH SAW ROLE MODEL TERBAIK

Susunan : Ustaz Basri Abdul Rashid, Imam 2 Surau Al-Barakah MKBR

"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW itu contoh teladan yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah". (Al-Ahzab : 21)

Dalam Kitab As-Syamail Al-Muhammadiyah karangan Imam At-Tirmizi hadis ke 337 menceritakan berkaitan akhlak Rasulullah SAW :

Hasan bin Ali RA berkata :
Husain bin Ali bercerita, " Aku bertanya kepada ayahku mengenai perjalanan hidup Rasullullah SAW bersama orang di sekitarnya".

Ayahku menjawab, "Rasulullah SAW seorang yang memiliki wajah yang sentiasa ceria, suka mempermudahkan urusan, mempunyai perasaan yang lembut, sikap dan hati Baginda tidak kasar, bukan seorang yang suka mencari gaduh ataupun menggunakan kata-kata keji, tidak memburuk-burukkan sesuatu, bukan seorang yang kedekut." "Baginda tidak mengambil tahu hal-hal yang Baginda anggap sia-sia. Baginda juga tidak suka menghampakan permintaan orang lain dan apabila tidak suka dengan permintaan itu, Baginda menolak dengan baik."

"Rasulullah SAW melarang tiga perkara kepada diri Baginda sendiri, iaitu bertikam lidah (walaupun pada perkara yang hak), sikap selalu hendak mendapat banyak, dan hal-hal yang tidak memberi manfaat kepada diri Baginda. Rasulullah SAW juga melarang tiga perkara kepada umatnya iaitu mencela, membuka aib dan mencari kesalahan orang lain."

Rasulullah SAW hanya berbicara jikalau ia mendatangkan pahala. Apabila Baginda berbicara, semua orang yang mendengar akan terpaku dan terpana dan mereka berani berbicara apabila Rasulullah SAW sudah selesai berbicara. Para sahabat tidak akan bergaduh di hadapan Baginda.

Apabila salah seorang daripada para sahabat bercakap di hadapan Baginda, mereka yang lain hanya diam dan menyemak percakapannya sehingga selesai. Sesiapa yang mahu bercakap dengan Rasulullah SAW, perlu mengikut giliran masing-masing. Apabila para sahabat mentertawakan sesuatu, Baginda akan ikut tertawa. Begitu juga, Baginda akan turut kagum kepada sesuatu jikalau para sahabat mengagumi.

Rasulullah SAW akan menahan sabar jikalau seorang yang asing bertanya atau berbicara kepada Baginda dengan cara yang kurang sopan. Malah, para sahabat suka menghadirkan orang asing untuk bertanya kepada Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW pernah berkata, " Bantulah si peminta hajat sekiranya kamu semua melihat dia sedang berusaha".

Rasulullah SAW hanya menerima pujian daripada orang yang pernah mendapat pertolongan Baginda dan pujian itu sepadan dan tidak berlebihan. Baginda tidak memotong percakapan seseorang. Namun, jikalau orang itu berbicara sehingga melampui batas, Rasulullah SAW meminta dia berhenti bercakap ataupun Baginda beranjak pergi".

## SEKELUMIT DARIPADA KISAH DAN CERITA TENTANG AKHLAK TERPUJI RASULULLAH SAW

- Nabi SAW bersikap lemah lembut dan penuh hikmah terhadap seorang Badwi yang membuang air kecil di sudut masjid. Para sahabat yang melihat situasi itu marah dan hendak memukulnya. Rasulullah SAW melarang dengan sabdanya, " Jangan kamu tegah dia" . Sebaliknya, Baginda memanggil Badwi tersebut dengan lembut dan bersabda, " Sesungguhnya, masjid-masjid ini tidak elok untuk mana-mana kekotoran, kencing dan najis. Ia adalah tempat untuk membaca al-Quran, zikrullah dan solat". Kemudian Rasulullah SAW meminta setimba air untuk disiram di tempat yang terkena kencing. Badwi itu pulang ke kampung dengan suka hati dan menyeru kaumnya masuk Islam. Akhirnya mereka masuk Islam.

- Nabi SAW sangat menghargai jasa baik orang lain dan membalas jasa baik itu: Ketika utusan daripada Raja Najasyi (Raja Habsyah) datang, Baginda sendiri yang sibuk melayan mereka. Para sahabat berkata, " Biarlah kami yang menggantikan Tuan (untuk melayan mereka) ". Nabi SAW menjawab, " Sesungguhnya mereka telah memuliakan para Sahabat kita dan aku suka untuk melayan mereka ".

"Sungguh sudah datang kepadamu seorang Rasul daripada kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, dia sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, dan kepada kaum mukminin dia amat berbelas kasihan lagi penyayang." (At-Taubah :128)

FRAGMEN

# SEMARAK CINTA RASULULLAH SAW

Pada suatu hari, ketika Rasulullah SAW menjadi imam solat, para sahabat melihat gerak badan baginda antara satu rukun ke rukun yang lain amat sukar sekali. Mereka juga mendengar bunyi keriut seolah-olah terjadi geseran anta tulang pada sendi-sendi baginda.

Salah seorang sahabat yang tidak tahan melihat keadaan itu bertanya kepada baginda apabila selesai solat, "Ya Rasulullah, kami melihat seperti tuan sedang menanggung penderitaan yang amat berat. Apakah tuan sedang sakit, ya Rasulullah?" "Tidak, sahabatku. Alhamdulillah, aku sihat dan segar."

"Ya Rasulullah, mengapa setiap kali tuan menggerakkan tubuh, kami mendengar seolah-olah sendi bergeseran di tubuh tuan? Kami yakin tuan sedang sakit." Desak para sahabat penuh cemas.

Akhirnya Rasulullah SAW mengangkat jubahnya. Para sahabat amat terkejut. Perut baginda kelihatan kempis, dililit sehelai kain yang berisi batu kerikil bagi menahan rasa lapar. Rupa-rupanya batu-batu kecil itu yang menimbulkan bunyi-bunyi halus setiap kali tubuh baginda bergerak. "Ya Rasulullah! Mengapa tuan tidak menyatakan rasa lapar dan tiada makanan, pasti kami akan mendapatkannya bagi tuan."

Rasulullah SAW menjawab dengan lembut, "Tidak para sahabatku. Aku tahu, kalian akan korbankan apa sahaja demi Rasul kalian. Tetapi apa yang harus aku jawab di hadapan Allah nanti, apabila aku sebagai pemimpin menjadi beban bagi umatnya? Biarlah kelaparan ini sebagai hadiah Allah bagiku, supaya tidak ada dalam kalangan umatku yang kelaparan di dunia ini, lebih-lebih lagi tiada yang kelaparan di akhirat kelak."

Ketika malaikat Izrail sudah berada di samping Rasulullah SAW untuk mencabut nyawa baginda, Rasulullah SAW bertanya, "Wahai Jibril, katakan kepadaku tentang hakku nanti di hadapan Allah."

"Semua pintu langit telah terbuka," jawab Jibril. "para malaikat sudah berbaris untuk menyambut rohmu di langit, dan pintu syurga sudah bersedia menyambut kehadiranmu, ya Rasulullah."

Mendengar jawapan itu, wajah Rasulullah SAW tidak menunjukkan rasa kepuasan, matanya masih ada kecemasan, sehingga malaikat Jibril bertanya, "Wahai Rasulullah, tidakkah engkau gembira mendengarnya?" "Segala puji bagi Allah, wahai Jibril, nyatakanlah kepada aku khabar gembira mengenai umatku kelak di hari kiamat."

Maka Jibril berkata, "Kunyatakan kepadamu sesungguhnya Allah menjelaskan, Allah sudah melarang semua nabi masuk ke dalam syurga sebelum engkau memasukinya dahulu dan Allah melarang semua umat masuk ke dalam syurga sebelum semua umatmu masuk terlebih dahulu." Mendengar jawapan Jibril, Rasulullah SAW tersenyum dan berkata, "sekarang telah puas hatiku dan hilang kekhuatiranku."

Sumber : Uswatun Hasanah : Haddad Alwi

ALBUM

# MAJLIS KHATAN BERAMAI-RAMAI SURAU AL-BARAKAH

*03 Disember 2016*

ALBUM

# SMART FATIHAH BERSAMA TEAM AL-BARAKAH

*30 November 2016*

Susunan : Ustaz Muhammad Khairi Abu Yamin, Ustazah Emalia Khartini Maslin,
Jabatan Perundingan Syariah

## Pembiayaan Kereta secara Islam Vs Pinjaman Konvensional

**Apakah dimaksudkan dengan pembiayaan secara Islam?**

"Pembiayaan Islam berteraskan kepada konsep jual beli atau apa-apa konsep yang dibenarkan oleh Islam seperti sewaan, istisna', pajakan dan lain-lain."

**Apakah perbezaan dengan Pinjaman Konvensional?**

Pinjaman konvensional berasaskan pinjaman semata-mata yang dibuat oleh pelanggan atas dasar pinjaman BUKAN jual beli. Pelanggan bersetuju untuk membayar pokok serta interest(riba) kepada Bank.

## Definasi

- Dalam muamalat secara Islam, ada suatu muamalat yang dipanggil "Ijarah", iaitu dengan bahasa Malaysianya dipanggil "sewa menyewa".
- definasi syarak, ialah : perjanjian memiliki manafaat yang dimaklumi dengan bayaran mengikut cara-cara yang tertentu.

## Apakah konsep yang sesuai dan bagaimanakah proses pembiayaan kereta yang dilaksanakan?

Konsep:
- Ijarah thuma bai' (AITAB)
- Tawarruq

**Perlaksanaan menggunakan Ijarah**

Pihak Bank akan membeli kenderaan, dan menyewakan kenderaan tersebut kepada pelanggan dengan kadar sewaan dan tempoh yang ditetapkan.

**Perlaksanaan menggunakan Tawarruq**

Pihak Bank akan melaksanakan konsep Tawarruq (murabaha) bersama pelanggan, hasil jualan daripada Tawarruq akan dijadikan sebagai harga bayaran kepada pembelian kereta pelanggan.

## Rukun Sewa Menyewa

Rukun sewa menyewa / upah mengupah ada lima perkara iaitu :

- Pemberi sewa (Bank)
- Penyewa (Pelanggan)
- Bayaran sewa (ansuran bulanan)
- Manfaat / faedah (kereta)
- Sighah (dokumentasi)

## Dalil Sewa Menyewa

- "Jika mereka menyusukan anak kamu maka hendaklah kamu berikan upahan mereka." (Al-Talaq' 6)
- Maksud hadis Rasulullah SAW : "Bahawa Rasulullah SAW berserta Abu Bakar menyewa (mengupah) seorang penunjuk jalan yang mahir dari Bani ad-Dail kemudian dari Bani 'Abdu bin 'Adi."

## Antara isu-isu yang mungkin timbul dan siapa yang bertanggungjawab?

**1) Isu kos penyelenggaran kenderaan**

Pelanggan harus menanggung seluruh kos penyelenggaraan sewaktu mengendalikan kereta sewaan.

**2) Kos kerosakan kenderaan**

Pelanggan bertanggungjawab ke atas kerosakan yang berlaku semasa penggunaan.

**3) Nama pada geran pemilikan kenderaan.**

Bagi pelanggan yang menggunakan produk Bank Rakyat, pada geran tersebut akan dicop "hak milik dituntut"

**4) Bayaran deposit 10%**

Bayaran yang dilakukan merupakan bayaran pendahuluan atas sewaan (*advance payment*)

## Syarat Sewa Menyewa

- Barang yang disewa hendaklah kekal dalam tempoh perjanjian sewa. Tidak sah menyewa sesuatu yang tidak kekal zatnya.
- Boleh diambil faedah yang bernilai dari barang yang disewa. Tidak sah menyewa barang yang manfaatnya tidak bernilai atau belum terjamin faedahnya.
- Bayaran sewa hendaklah diketahui jenis, kadar dan sifatnya.
- Tentukan masa bagi barang-barang yang boleh ditentukan.
- Tentukan kerja-kerja yang hendak dilakukan.
- Barang yang hendak disewakan itu hendaklah barang yang tertentu (yang dinyatakan)

# 5 TIPS
## BAGAIMANA MEMASARKAN PRODUK ANDA?

Mohd Ismail Bin Mohd Nor
Ketua Kedai,
Ar Rahnu X'Change Rembau,
Negeri Sembilan.

01

**Kenali produk anda**

Sebelum kita memasarkan apa-apa produk, seharusnya kita mengenali produk kita dengan sangat mendalam dari pelbagai aspek dan sudut. Sejauhmana kekuatannya dan sejauh mana kita mampu memasarkannya sehingga terjual. Setiap produk pastinya mempunyai identiti dan kelebihan yang tersendiri. Kenali produk anda! Sekiranya produk anda memang "A", ia dengan sendiri akan terjual dan dipasarkan oleh orang lain dari mulut ke mulut dan secara *'referral'*

02

**Fahami produk anda**

Produk A mungkin tidak sama dengan produk B, C dan D. Kaji dan selami kekuatan dan kelemahannya. Kelebihan serta kekurangannya. Faktor kekuatan dan kelebihannya, disitulah *"selling point"* yang membuka ruang untuk kita meyakinkan pelanggan. Perlu untuk kita tahu perbandingan supaya kita mampu menyesuaikannya dengan kehendak dan keperluan pelanggan.

03

**Ketahui produk pesaing**

Dalam pada kita berbangga dengan produk yang kita ada, amat penting untuk kita mengetahui juga ciri-ciri, kekuatan dan kelemahan produk pesaing dalam pasaran. Pengetahuan yang lengkap dan tepat perlu supaya kita mampu memberikan perbandingan dan mengetengahkan produk kita berbanding produk pesaing. Bukan untuk menjatuhkan jauh sekali untuk memburukkan produk pesaing tetapi kelemahan produk pesaing adalah ilmu untuk kita memperbaiki produk yang kita ada.

04

**Sedar kekuatan anda**

Sedar kekuatan anda Kita perlu sedar dimana kekuatan kita dalam memasarkan produk yang kita ada. Adakah produk kita yang terbaik dipasaran? Apakah saluran pemasaran yang kita ada? Dimanakah lokasi pemasarannya? Dan yang paling utama ialah kita perlu tahu secara tepat kepada siapakah kita ingin memasarkannya *"niche market"* dan *"market segmentation"* yang tepat.

05

**Maksimumkan saluran pemasaran anda**

Selain daripada 4 faktor di atas, poin yang ke-5 ini juga sangat penting dan jarang diberi perhatian. Sekiranya kita mahir dengan sebaiknya, insyaAllah kita mampu memasarkan produk yang kita ada semaksimumnya. Dewasa ini pelbagai medium pemasaran semakin canggih dengan aplikasi facebook, whatsapp, twitter, instagram, linkedin dan sebagainya. Oleh yang demikian, maksimumkan kepenggunaannya!

CETUS INSPIRASI

# EMPLOYEE OF THE MONTH TELUK INTAN

Oleh: Mohd Hazrin Bin Mohd Noor | Eksekutif Cawangan Teluk Intan

Idea mewujudkan 'gelaran' *Employee Of The Month* kepada warga kerja pilihan cawangan Teluk Intan tercetus semasa sesi *'think tank'* bersama Pengurus Cawangan, Encik Abidin Shah Bin Matt. Penganugerahan telah dimulakan pada Ogos 2016 sebagai satu inisiatif cawangan berdasarkan keputusan *'Employee Satisfaction Survey* 2015 Bagi Wilayah 8'. Pemilihan pemenang dibuat melalui undian warga kerja cawangan berdasarkan empat kriteria iaitu pencapaian, penampilan, disiplin dan komitmen.

Inisiatif kreatif ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja terpilih dan teladan kepada yang lain-lain. Gelaran yang kelihatan kecil pada nama namun besar impaknya ini berupaya mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan warga kerja untuk menjalankan tugas dengan lebih cemerlang. Manisnya, mereka yang terpilih akan berkongsi 'ramuan rahsia' kejayaan dan seterusnya membentuk budaya kerja keseluruhan Cawangan Teluk Intan.

Konsep *'We Are Family'* mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja cawangan. Setiap warga kerja bekerjasama dan komited dalam menggaris pelan perniagaan cawangan ibarat Bank Rakyat Cawangan Teluk Intan sebagai 'perniagaan keluarga' yang diusahakan oleh 34 orang 'adik-beradik'. Setiap warga kerja bersumber resepi yang sama; sentiasa berfikir positif, bertanggungjawab kepada peranan masing-masing, saling menyumbang idea, tenaga dalam mengatur strategi kejayaan.

Meskipun 'berkejar-kejaran' dengan bajet cawangan, warga kerja Cawangan Teluk Intan bijak mengatur masa dan ruang untuk rehlah dan riadah. Pada setiap bulan akan diadakan majlis jamuan makan malam dengan tema berbeza, merai hari ulang tahun kelahiran warga kerja, makan bersama-sama, atau sekurang-kurangnya berkumpul untuk bersama-sama bertukar-tukar cerita dan bertanya khabar diri dan keluarga. Status, perwatakan dalam waktu bekerja bertukar lebih menceriakan dengan gurau dan ketawa dan mesra. Hati diikat dengan kekeluargaan, kerjaya tekad dengan komitmen dan cemerlang bersama.

## *Employee Of The Month*

| | | |
|---|---|---|
| Ogos 2016 | : | Mohd Hazrin Bin Mohd Noor |
| September 2016: | | Mohd Shukri Bin Mohamad |
| Oktober 2016 | : | Jaafar Bin Mansor |
| November 2016: | | Saiful Anuar Bin Zakaria |

**Kriteria pilihan rakan sekerja :**
**Berkepimpinan, kesediaan mempelajari dan berkongsi perkara baru, positif, disenangi dan dihormati, komited kepada tugas dan rakan taulan.**

## Teluk Intan 2017

- Terbaik dalam Wilayah 8
- Pencapaian Prestasi Cemerlang
- Zero Customer Complaints
- Bersih Rekod Audit dan Pematuhan

EMPLOYEE OF THE MONTH
MOHD HAZRIN BIN MOHD NOOR
AUGUST 2016

Employee of the Month

ANUGERAH
UNIT PENTADBIRAN PEMBIAYAAN

ASAM PEDAS MUAR D SU
HALAL

RAKYAT 24

RAKYAT 24

# MINGGU KEROHANIAN PUSAT PANGGILAN 2016

***14 – 25 November 2016***

Susunan: Mohd Firdaus Mohd Yusof | Eksekutif, Pusat Panggilan

Pusat Panggilan menghargai bakat dan mengerat silaturahim dalam kalangan warga kerja melalui Minggu Kerohanian Pusat Panggilan 2016 pada 14 – 25 November 2016. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan termasuk beberapa buah pertandingan yang diadakan selepas waktu kerja iaitu bermula jam 5.45 petang. Antara pertandingan yang diadakan seperti tilawah, hafazan, alunan azan, tulisan Jawi dan khat, kuiz, dan nasyid.

Warga kerja dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu Kumpulan YA MAULANA, Kumpulan AL-AYYUBI, Kumpulan AL-FATEH, dan Kumpulan YA HABIBI. Setiap pertandingan dinilai oleh juri-juri terlantik dan professional dalam bidang masing-masing.

Program ini turut mendpat kerjasama daripada pihak Juri yang menilai pertandingan adalah seperti berikut:

**Hafazan, Tilawah & Azan :**

- Ustaz Abdul Hakim Abdul Rahman (Imam 1)
- Ustaz Othman Jalaluddin Abdul Rahman (Bilal 1)
- Ustaz Muhammad Naim Zahari (Bilai 2)
- Ustaz Solehin Abdul Rahim

***Imam dan Bilal dari Surau Al-Barakah MKBR***

**Pertandingan Khat &Tulisan Jawi :**

- Ustazah Nurul Asilah Jaafar
- Ustazah Sulhana Lockman
- Ustazah Nafisah Azemy,

***Guru Bahasa Arab & Pendidikan Islam (GPI) , SK St. Mary Selayang***

**Nasyid :**

- En. Mohamad Thuairi
- Mohamad Tayeb

***Pengurus Pusat Panggilan***

- Puan Nurul Azlina Ishak

***Penolong Pengurus Pusat Panggilan***

- Cik Puan Nor Laily Nor Anuar

***Penolong Pengurus Pusat Panggilan***

Berikut senarai pemenang mengikut kategori :

## PERTANDINGAN HAFAZAN (LELAKI)

- **Juara** - Mohd Firdaus Mohd Yusof — **AL-AYYUBI**
- **Kedua** - Muhamad Naim Abdul Ghani — **YA MAULANA**
- **Ketiga** - Ahmad Farhan Ahmad Razai — **AL-AYYUBI**

## PERTANDINGAN HAFAZAN (PEREMPUAN)

- **Juara** - Nur Azimah Othman — **YA MAULANA**
- **Kedua** - Nurul Aisyah Jamaludin — **YA HABIBI**
- **Ketiga** - Umi Nazrah Azizi — **AL-FATEH**
- Nurfaten Shahirah Shaharudin — **AL-AYYUBI**

## PERTANDINGAN AZAN

- Juara - Muhammad Ashraf Mohd Sedek — **AL-FATEH**
- Kedua - Syafrizal Alif Shamsudin — **YA HABIBI**
- Ketiga - Abd Jabbar Mukhlis Mohd Noor — **YA MAULANA**

## PERTANDINGAN KHAT (LELAKI)

- Juara - Muhamad Naim Bin Abd Ghani — YA MAULANA
- Kedua - Ahmad Ariff Bin Abdul Aziz — YA HABIBI
- Ketiga - Mohd Najib Bin Imran — AL-FATEH

## PERTANDINGAN KHAT (PEREMPUAN)

- Juara - Nur Shaziela Binti Ismadi — AL-AYYUBI
- Kedua - Nurzuriana Binti Mohd Noor — AL-FATEH
- Ketiga - Faizainah Binti Jamaludin — AL-AYYUBI

## PERTANDINGAN TULISAN JAWI (LELAKI)

- Juara - Zainal Bukhari Bin Zainal Fitry — YA HABIBI
- Kedua - Yusri Binti Md Noor — AL-FATEH
- Ketiga - Syed Norfikri Hafiq Bin Syed Amberan — YA MAULANA

## PERTANDINGAN TULISAN JAWI (PEREMPUAN)

- Juara - Anis Syuhada Binti Shuib — YA MAULANA
- Kedua - Faiznur Farehan Binti Md Misnan — YA HABIBI
- Ketiga - Nur Azimah Binti Othman — YA MAULANA

## PERTANDINGAN KUIZ

### 1 JUARA - AL AYYUBI

- Khaerul Anwar Bin Saifuddin
- Mohd Firdaus Bin Mohd Yusof
- Nurul Hazni Binti Mohd Zin
- Siti Hajar Binti Che Nat

### 2 KEDUA - YA HABIBI

- Mohd Azrul Bin Jumat
- Sulaiman Bin Daud
- Shafiqa Shamsudin
- Nor Syahirah Binti Yusri

### 3 KETIGA - AL FATEH

- Muhammad Fadly Bin Borhan
- Mohammad Hafiz Bin Abdul Razak
- Asma Amira
- Noor Fadhilah Binti Mohd Fauzi

## PERTANDINGAN NASYID

- Juara : AL-AYYUBI
- Kedua : YA MAULANA
- Ketiga : YA HABIBI

**Tahniah!**

Kepada semua warga Kerja Pusat Panggilan atas inisiatif yang dikongsi.

RESPON

# DOKUMEN WASIAT YANG SAH

Oleh : Hairin Herlina Abdul Halim, Eksekutif, Jabatan Penyelidikan & Perundingan Syariah (PPSY)

Wasiat Islam boleh dibuat sama ada melalui lisan atau pun secara bertulis. Namun dalam kes tertentu wasiat juga boleh dibuat melalui isyarat yang difahami . Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku pertikaian terhadap wasiat yang dibuat melalui kaedah lisan dan isyarat, saksi-saksi wasiat mestilah mengemukakan keterangan di Mahkamah bagi membuktikan kewujudan wasiat tersebut. Bagi wasiat yang dibuat secara bertulis, wasiat tersebut mestilah ditandatangani oleh Pewasiat di hadapan 2 orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan 2 orang saksi perempuan atau 4 orang saksi perempuan.

## KEPENTINGAN PERLANTIKAN WASI

Penyediaan dokumen wasiat adalah tidak lengkap tanpa perlantikan **Wasi/Pentadbir**, iaitu pihak yang dinamakan di dalam dokumen wasiat yang dilantik untuk melaksanakan dan menyempurnakan wasiat selepas kematian Pewasiat.

**Tugas Wasi/Pentadbir adalah seperti berikut:**

- Mengenalpasti Wasiat terkini dan mendapatkan wasiat tersebut untuk tujuan pentadbiran pusaka simati;
- Menentukan dan memastikan semua aset dan liabiliti simati;
- Menyediakan dokumen dan memfailkan petisyen permohonan Geran Probet/Suratkuasa Mentadbir dengan Wasiat Terlampir di Mahkamah Tinggi Sivil; atau
- Mewakili waris-waris untuk memfailkan Borang A di Seksyen Pusaka Kecil untuk mendapatkan Perintah Pembahagian Harta Pusaka;
- Mengenalpasti dan melunaskan semua hutang si mati;
- Memastikan segala cukai, zakat, badal haji dan lain-lain perkara yang dinyatakan dalam wasiat dilaksanakankan;
- Mengeluarkan wang dan menutup semua akaun si mati di bank-bank yang berkaitan;
- Menjual/ memindahmilik saham-saham simati;
- Menjual/memindahmilik hartanah simati;
- Menjual/memindahmilik kenderaan simati;
- Membahagikan harta si mati kepada benefisiari mengikut arahan yang telah diberikan oleh si mati di dalam dokumen wasiat; atau
- Membahagikan harta mengikut hukum faraid kepada waris-waris yang berhak; dan
- Memastikan hak waris-waris minor (di bawah umur 18 tahun) terpelihara dan dipegang secara amanah oleh Pemegang Amanah yang layak.

### *Wasiat Rasulullah SAW:*

*Dari Abu Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bertanya, "Siapakah yang mahu mengambil daripadaku lima perkara, lalu mengamalkannya atau mengajarkan kepada orang yang mahu mengamalkannya?" Abu Hurairah berkata, "Aku, ya Rasulullah!" Baginda menyentuh tanganku dan bersabda, "Jauhilah hal-hal yang haram, maka kamu akan menjadi manusia yang sangat takut kepada Allah SWT. Redhalah terhadap bahagian atau pemberian daripada Allah, kamu akan menjadi manusia yang paling kaya. Berbuat baiklah kepada tetanggamu, maka kamu akan menjadi seorang mukmin.*

*Cintailah manusia seperti kamu mencintai diri sendiri, maka kamu akan menjadi seorang muslim. Janganlah banyak ketawa kerana sesungguhnya perbuatan demikian akan mematikan hati."*

*(HR. At-Tirmidzi)*

Peranan dan tanggungjawab Wasi/Pentadbir bukanlah suatu perkara yang mudah tetapi sebenarnya memerlukan seseorang yang berkredebiliti dan arif dalam hal ehwal undang-undang, ilmu Syariah dan mampu memikul amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Proses pentadbiran harta pusaka juga merupakan suatu proses yang rumit dan memerlukan masa yang panjang. Kadang-kala Wasi/Pentadbir terpaksa berhadapan dengan pelbagai karenah ahli waris yang tidak memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh pentadbiran harta dijalankan. Oleh sebab itu, perlantikan Wasi/Pentadbir perlu dibuat dengan teliti bagi memastikan tanggungjawab yang diamanahkan mampu dijalankan dengan baik.

Anjuran berwasiat tidak seharusnya dipandang sepi oleh masyarakat Islam. Sikap suka meremehkan soal pengurusan dan perancangan harta pusaka perlu dihindari bagi mengelakkan kesulitan yang terpaksa dilalui oleh waris yang akan ditinggalkan. Oleh yang demikian, adalah disarankan supaya mendapatkan khidmat nasihat sewajarnya bagi memastikan dokumen wasiat dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh Wasi yang dilantik.

**Pewasiat juga mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :**

- Telah mencapai umur 18 tahun
- Sempurna akal
- Membuat wasiat secara sukarela tanpa paksaan
- Mempunyai keupayaan menguruskan hartanya

**Sesuatu perkara atau harta yang ingin diwasiatkan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut :**

- Sesuatu yang boleh dijadikan pusaka
- Sesuatu yang bernilai & tidak haram di sisi syarak
- Sesuatu yang boleh dipindahmilik selepas kematian Pewasiat
- Sesuatu yang wujud dalam pemilikan Pewasiat



## 10 Wasiat Imam Hassan Al-Bana

1. Apabila mendengar azan maka bangunlah sembahyang serta-merta walaubagaimana keadaan sekalipun.
2. Bacalah al-Quran, tatapilah buku-buku ilmu, pergilah ke majlis-majlis ilmu, dan amalkanlah zikrullah dan janganlah membuang masa dalam perkara yang tiada memberi faedah
3. Berusahalah untuk bertutur dalam bahasa Arab Fushah kerana bahasa Arab yang betul itu adalah syiar Islam.
4. Janganlah bertengkar dalam apa-apa perkara sekalipun kerana pertengkaran yang kosong tiada memberi apa-apa jua kebaikan.
5. Janganlah banyak ketawa kerana hati yang sentiasa berhubung dengan Allah itu sentiasa tenang lagi tenteram.
6. Janganlah banyak bergurau kerana umat yang sedang berjuang itu tidak mengerti melainkan bersungguh-sungguh dalam setiap perkara.
7. Janganlah bercakap lebih nyaring daripada kadar yang dikehendaki oleh pendengar kerana percakapan yang nyaring itu adalah suatuperbuatan yang sia-sia malah menyakiti hati orang.
8. Kewajipan kita lebih banyak daripada masa yang ada pada kita, oleh itu gunakanlah masa dengan sebaik-baiknya dan ringkaskanlah perlaksanaannya.
9. Berkenal-kenalanlah dengan setiap Muslim yang ditemui kerana asas gerakan dakwah ialah berkenalan dan berkasih-sayang.
10. Jauhilah daripada mengumpat-umpat peribadi orang, mengecam pertubuhan-pertubuhan, dan janganlah bercakap melainkan apa-apa yang memberi kebajikan.

KAPSUL

# MENYAYANGI ANAK MENJADI KUNCI KEBAHAGIAAN

Petikan sumber : Buku 'Uswatun Hasanah' (tulisan Haddad Alwi)

Rasulullah SAW memperlihatkan rasa kecintaan dan kelembutan hatinya kepada anak-anak dengan mengendong, memangku dan mencium mereka.

Seorang Arab badwi berkata kepada Rasulullah SAW, "Tuan suka menciumi anak-anak, sementara kami tidak pernah menciumi mereka." Mendengar ucapan itu baginda bersabda, "Orang yang dalam hatinya ada kasih sayang tentu suka menciumi anak-anak, sedangkan orang yang kehilangan rasa kasih sayang dalam hatinya tentu tidak mahu menciumi anak-anak."

Suatu ketika Rasulullah SAW mencium Hasan dan Husin di hadapan al-Aqra Bin Hubais at-Tamimi yang ketika itu berada dalam rumah baginda. Al-Aqra berkara, "Ya Rasulullah, aku mempunyai sepuluh orang anak, tetapi belum pernah sekali mencium seorang daripada mereka." Rasulullah SAW menatap wajah al-Aqra seketika lalu berkata, "Siapa yang tidak menyayangi, maka tidak akan disayangi."

Pernah suatu ketika, sewaktu sedang mengimamkan solat jemaah di masjid, Hasan dan Husin yang masih kecil memanjat belakang Rasulullah SAW, padahal ketika itu baginda sedang sujud. Rasulullah SAW sengaja memperlahankan sujudnya supaya kedua-dua cucunya itu turun dari belakangnya. Selesai solat, para sahabat bertanya mengapa Rasulullah SAW sujud begitu lama.

Rasulullah SAW menjawab, "Tadi, kedua-dua cucuku naik ke atas belakangku, dan aku tidak mahu mengganggu kesenangan mereka. Maka aku menunggu sehingga mereka turun."

Rasulullah SAW juga menunjukkan kecintaan kepada anak-anak kaum Muslim. Seringkali baginda mengendong anak-anak sahabatnya. Memangku dan mengusap-usap kepala mereka. Para ibu seringkali membawa anak-anak mereka kepada baginda bagi mendapat berkat baginda. Suatu ketika, salah seorang anak kepada sahabat yang sedang dalam kendongan baginda, tiba-tiba terkencing sehingga air kencingnya membasahi pakaian baginda. Ibu bayi itu cepat-cepat menarik anaknya dari kendongan Rasulullah SAW kerana malu dan rasa bersalah.

Baginda lalu berkata, "Baju yang terkena air kencing ini dapat dibersihkan dengan mudah. Tetapi luka hati anak ini kerana kekasaran kita sukar untuk dilupakan." Teguran Rasulullah SAW itu bukan hanya kepada ibu kanak-kanak tersebut, bahkan juga Rasulullah SAW sedang menunjukkan perhatian yang besar bagi perkembangan psikologi anak pada awal usia kepada seluruh umatnya. Rasulullah SAW menunjukkan bahawa memori anak terhadap 'kekerasan' orang tua atau dewasa semasa kecilnya akan memberi kesan buruk dan sukar hilang dari ingatan kanak-kanak. Semoga kita bersama-sama mengambil pedoman.

## BUNGA SYURGA

WAN NUR ELVIRA ARISSA
BINTI WAN MOHAMAD EFFENDY

nama bapa:
Wan Mohamad Effendi
Bin Wan Abdullah Sani
Presint 15

DAMIA ZAFIRAH
BINTI MOHD RAZALI

nama ibu:
Syahariah Binti Ibrahim
Rakyat Xcess Gemas

NURUL HANANI SOFEA
BINTI MOHD AMIRUL

nama bapa:
Mohd Amirul Mohd Noor
Jabatan Pengurusan Aktiviti

Seramai sepuluh orang warga kerja Bank Rakyat (KEBARA) telah menyertai perlumbaan basikal OCBC Cycle Kuala Lumpur pada 13 November 2016 bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

## Teruskan kayuhan!

- Abd Rashid B. Ab Rahman (Ibu Pejabat)
- Hazman Bin Hassa (Ibu Pejabat)
- Mohd Khairul Bin Omar (Ibu Pejabat)
- Mohd Hamdan Bin Ahmad (Ibu Pejabat)
- Khairul Anuar Bin Yahaya (Ibu Pejabat)
- Jufree Soaidin (Ibu Pejabat)

- Shahfarin bin Nordin (Cawangan Kelana Jaya)
- Muhamed Taufik Bin Misngat (Cawangan USJ)
- Mohammad Nasir Hamid (Cawangan Kelana Jaya)
- Mahathir Bin Mohtar (Cawangan Greentown)
- Haji Saliman Bin Zainal (Ibu Pejabat)

# TEAM BUILDING
## SUSULAN/PEMULIHAN RUNCIT

*25 - 27 November 2016*

**THE ROYALE BINTANG RESORT & SPA SEREMBAN**